

UMP cipta umpan anai-anai

BH (1 muka) Selasa 19/8/08 pg: 43

Penyelidikan guna palpa kelapa sawit bunuh serangga perosak

Oleh Mohd Rafi Mamat
bhnews@bharian.com.my

KUANTAN: Universiti Malaysia Pahang (UMP) berjaya mencipta umpan tiruan untuk membunuh anai-anai dikenali Pisoptera yang dihasilkan daripada tandan buah kosong atau palpa kelapa sawit.

Selain mesra alam dan menggunakan bahan semula jadi, umpan tiruan berkenaan dihasilkan daripada sisa pepejal semula jadi, selain efektif dan mudah digunakan.

Ketua penyelidik, Abdul Syukur Abd Razak, berkata kos menghasilkan Pisoptera adalah murah kerana ia diperbuat daripada tandan buah kosong kelapa sawit yang kering dan dihaluskan.

Beliau berkata, kajian terhadap penggunaan bahan mentah itu sebagai umpan tiruan bagi membunuh anai-anai digunakan secara meluas penyelidik di Amerika Syarikat dan Jerman.

Bagaimanapun, katanya, kejayaan UMP menghasilkan Pisoptera adalah yang pertama



BANGGA: Pelajar Univertiti Malaysia Pahang (UMP) menunjukkan umpan tiruan membunuh anai-anai dikenali Pisoptera yang dicipta.

di negara ini selepas melakukan kajian dua tahun dengan bantuan Syarikat Mega Juara Pest Control Sdn Bhd.

"Penggunaan Pisoptera akan menampakkan hasil membanggakan dalam tempoh antara sebulan hingga tiga bulan, bergantung kepada saiz rumah dan keluasan tanah di kawasan terbabit.

"Selain itu, Pisoptera bukan saja mudah untuk digunakan tetapi tidak menghasilkan sebarang bau yang boleh menyebabkan penghuni rumah berasa tidak selesa," katanya di sini, semalam.

Abd Syukur berkata, UMP hanya bertindak sebagai pusat penyelidikan dalam menghasilkan ubat anai-anai itu, mana-

kala Mega Juara Pest Control pula berperanan menyalurkan perbelanjaan untuk menghasilkan produk berkenaan.

Beliau berkata, perjanjian persefahaman (MoU) sudah dibuat antara UMP dengan Mega Pest Control sebelum ini yang menetapkan hanya Mega Pest Control boleh memasarkan produk Pisoptera.